

Atasi cabaran stereotaip jantina halang kejayaan

Kuala Lumpur: Seramai 20 wanita berpeluang beramah mesra dengan legenda skuasy negara, Datuk Nicol David pada sesi klinik skuasy yang turut membincangkan pelbagai isu, termasuk mengatasi stereotaip jantina dalam kehidupan.

Klinik skuasy itu adalah acara kemuncak bagi kempen media sosial #AIA_SquashTheStereotypes yang berlangsung di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil, baru-baru ini, sempena Hari Wanita Sedunia.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Malaysia, Heng Zee Wang, berkata kempen yang menampilkan legenda sukan negara itu bertujuan mengetengahkan bagaimana isu stereotaip jantina masih menjadi cabaran buat wanita di Malaysia.

Pada masa sama katanya, ia bagi memperkasa dan mendorong wanita daripada semua lapisan masyarakat untuk mengatasi masalah stereotaip itu



Nicol (lima dari kiri) ketika menghadiri klinik skuasy di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil, baru-baru ini

supaya dapat menjalani kehidupan lebih sihat, berpanjangan dan bermakna.

“Semua peserta klinik berusia antara 21 sehingga 42 tahun berjaya menempah tempat dalam klinik skuasy yang buat kali pertama dikendalikan Nicol sejak persaraan beliau.

“Beliau juga sempat berkong-

si kisah inspirasi mengenai bagaimana dirinya mengatasi stereotaip jantina dalam kehidupan.

“Nicol turut berkongsi panduan dan teknik bermain skuasy, pengalaman beliau bergelar juara dunia sebanyak lapan kali dan bagaimana beliau menghadapi pelbagai cabaran stereotaip

jantina sepanjang kerjayanya,” katanya.

Zee Wang berkata, pihaknya bangga kerana dapat bekerjasama dengan Nicol untuk memperjuangkan perubahan tingkah laku yang positif, mencapai kesaksamaan bersama dan membantu mengubah set minda komuniti.

Katanya, pemilihan Nicol untuk menyampaikan kisah berkenaan dirinya adalah tepat kerana berjaya mencapai tahap kecemerlangan tertinggi walaupun terpaksa menghadapi pelbagai stereotaip jantina.

“Kami berharap semangat positif dan pengalaman beliau dapat memberi inspirasi kepada wanita untuk terus melangkah maju ke hadapan,” katanya.

Sementara itu, Nicol amat berbesar hati dapat menyertai kempen yang memberi inspirasi dan dilancarkan tepat pada masanya.

Nicol yang juga duta AIA Malaysia berkata, sepanjang kerjaya profesionalnya, ramai yang meragui kemampuan dirinya untuk berjaya sebagai seorang atlet wanita.

“Namun, saya tidak pernah membiarkan kata-kata negatif sedemikian mematahkan semangat untuk merealisasikan impian,” katanya.